

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 MEI 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelan Strategik lima tahun angkat martabat industri reka bentuk – Madius	BERNAMA
2.	MOSTI formulating strategic plan to strengthen design and creative industry	BERNAMA
3.	Siswazah teknikal, jurutera bakal bergelar profesional	Utusan Malaysia
4.	Juruteknologi, juruteknik kini diiktiraf kumpulan profesional	BERNAMA
5.	Juruteknologi, juruteknik kini diiktiraf kumpulan profesional	KOSMO
6.	Juruteknologi, juruteknik kini diiktiraf kumpulan profesional	Utusan Malaysia
7.	Monsun Barat Daya bermula Sabtu	Utusan Malaysia
8.	SIRIM laksana 150 audit teknologi syarikat pada 2015	Utusan Malaysia
9.	SIRIM-Fraunhofer Audit Technology Programme shows results	New Straits Times
10.	Prepare for innovations that disrupt markets	New Straits Times
11.	Rapid rise of cyber criminals	The Star
12.	MARDI, JSM bangun piawai madu	Utusan Malaysia



Pelan Strategik Lima Tahun Angkat Martabat Industri Reka Bentuk - Madius

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** menerusi **Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)** sedang merangka pelan strategik lima tahun untuk menjadikan industri reka bentuk dan kreatif sebagai agenda negara menjelang 2020.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata pelan strategik itu memberi penekanan kepada hala tuju industri berkenaan untuk berkembang maju di samping menjadi industri yang membantu meningkatkan nilai tambah kepada ekonomi negara.

"Saya berharap rancangan lima tahun ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera," katanya pada majlis penyampaian 'Malaysia Good Design Mark' (MGDM) 2015 "Pengiktirafan Produk Terbaik Rekaan Tempatan" di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

MGDM adalah satu bentuk pengiktirafan reka bentuk oleh kerajaan yang dimulakan sejak 1997 bagi memperakui usaha sektor perindustrian dalam melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan berterusan untuk meningkatkan nilai tambah sesuatu produk.

Sehingga kini, 468 syarikat mendapat pengiktirafan MGDM yang memberi kelebihan kepada syarikat tempatan dalam memasarkan produk mereka ke peringkat global.

Dalam pada itu, Madius berkata penyertaan syarikat Bumiputera khususnya dalam kalangan syarikat industri mikro bagi kategori pembungkusan dalam MGDM menunjukkan peningkatan memberangsangkan dengan 80 syarikat menerima pengiktirafan itu sehingga kini, sekali gus menyumbang kepada Agenda Transformasi Ekonomi Bumiputera negara.

Beliau berkata MGDM mampu mencabar profesionalisme para pereka dan industri dalam memenuhi standard reka bentuk untuk memastikan daya saing produk tempatan kekal kompetitif di pasaran global.

Justeru, katanya, Malaysia harus mencontohi Korea, antara negara yang berjaya membuktikan sumbangan besar 'designomics' kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di mana pada 2015, ia menyumbang sejumlah 37.3 bilion Korean Won (KRW) atau RM128.33 juta kepada KDNK negara tersebut.

Pada majlis itu, sejumlah 40 produk dari 22 syarikat menerima pengiktirafan MGDM 2015 kerana menepati standard penilaian reka bentuk yang ditetapkan di samping mengeluarkan produk dengan rekaan menarik, inovatif dan berkualiti tinggi.

-- BERNAMA



Mosti Formulating Strategic Plan To Strengthen Design And Creative Industry

SHAH ALAM, May 19 (Bernama) -- The Ministry of Science, Technology and Innovation is formulating a five-year strategic plan to make the design and creative industry as one of the national agendas.

Minister Datuk Seri Madius Tangau said the plan, which is being formulated by the Malaysian Design Council, would chart the direction of the industry to propel its growth, and increase the sector's contribution to the country's economy.

"This strategic plan will help our design and creative industry to improve the quality of products further and remain competitive at the international level," he said at the Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2015 presentation here, today.

The text of his speech was delivered by his Deputy Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

The MGDM award recognises the best local design products.

It was introduced by the government in 1997 to encourage local players to increase their research and development activities and produce better quality products.

Today, MGDM were awarded to 40 products from 22 companies.

-- BERNAMA

Siswazah teknikal, jurutera bakal bergelar profesional

Oleh DIANA AZIS
dan ABD. RAZAK AID
utusanN9@utusan.com.my

■ TELOK KEMANG 19 MEI

KIRA-KIRA 300,000 siswazah lulusan bidang teknikal dan kejuruteraan dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak diiktiraf Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bakal bergelar juruteknologis dan juruteknik profesional menerusi Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768).

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, golongan berkenaan akan diberi gelaran 'Ts' dan 'Tc' sama sebagaimana gelaran milik jurutera 'Ir' berkuat kuasa Mei tahun lalu.

"Sebenarnya akta ini sudah lama ditunggu oleh golongan teknologis dan juruteknik kerana sebelum wujudnya akta tersebut, mereka menganggap kerjaya sebagai kategori kelas kedua dan tidak mempunyai laluan kerjaya.

"Justeru dengan gelaran Ts (juruteknologis) dan Tc (juruteknik) secara tidak langsung negara telah mengiktiraf kepakaran mereka yang turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Simposium Teknologi Malaysia 2016 dekat sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Po-



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kanan) bersama Tang Heap Seng (kanan), Abang Abdullah Abang Ali (kiri) dan Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim melihat dokumen perjanjian persefahaman yang ditandatangani dalam Simposium Teknologi Malaysia 2016 di Politeknik Port Dickson, Telok Kemang, Negeri Sembilan, semalam.

liteknik Port Dickson, Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim; Presiden Persatuan Teknologikal Malaysia, Tang Heap Seng dan Presiden Persatuan Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia, Datuk Abang Abdullah Abang Ali.

Sementara itu Abu Bakar ber-

kata, Majlis Teknologi Malaysia (MBOT) berperanan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan juruteknik sebagai profesyen ikhtisas di negara ini.

Secara tidak langsung, katanya, MBOT mampu menambah bilangan tenaga kerja teknikal,

teknologi dan mahir yang dihasilkan di negara ini.

"Oleh yang demikian, pengiktirafan yang diberikan dilihat penting dan signifikan dalam menjayakan misi nasional yang mahu melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran," katanya.

